

D.R. 10/2005

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2005.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*,

Pindaan seksyen 2

2. Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994 [*Akta 515*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dalam subseksyen (1) —

(i) dalam takrif "insiden", dengan memasukkan selepas perkataan "kerosakan pencemaran" perkataan "atau yang mewujudkan suatu ancaman yang besar dan pasti bahawa kerosakan sedemikian akan berlaku";

Rang Undang-Undang

(ii) dengan menggantikan takrif "kapal" dengan takrif yang berikut:

' "kapal" ertinya mana-mana vesel laut dan mana-mana lancang laut daripada apa-apa jenis yang dibina atau diubah suai untuk membawa minyak secara pukal sebagai kargo, dengan syarat bahawa kapal yang berupaya membawa minyak dan kargo lain hendaklah dianggap sebagai kapal hanya apabila kapal itu sebenarnya membawa minyak secara pukal sebagai kargo dan semasa dalam mana-mana pelayaran berikutan dengan pelayaran itu yang membawa minyak melainkan jika dibuktikan bahawa tidak ada baki daripada minyak yang dibawa secara pukal di atas kapal;';

(iii) dengan menggantikan takrif "kerosakan pencemaran" dengan takrif yang berikut:

' "kerosakan pencemaran" ertinya—

(a) kerugian atau kerosakan di luar kapal yang disebabkan oleh pencemaran akibat daripada pelepasan atau pertumpahan minyak daripada kapal, di mana-mana jua pelepasan atau pertumpahan itu berlaku, dengan syarat bahawa pampasan bagi kerosakan alam sekitar selain kehilangan keuntungan daripada kerosakan itu hendaklah terhad kepada kos bagi langkah pemulihan yang munasabah yang sebenarnya diambil atau akan diambil;

(b) kos bagi langkah pencegahan dan kerugian atau kerosakan lanjut yang disebabkan oleh langkah pencegahan;';

(iv) dalam takrif "Konvensyen Liabiliti", dengan menggantikan perkataan "di Brussels pada 29 November 1969 sebagaimana yang dipinda oleh Protokol Tahun 1976" dengan perkataan "di London pada 27 November 1992";

- (v) dengan memasukkan selepas takrif "langkah pencegahan" takrif yang berikut:

' "laut wilayah" ertinya perairan wilayah Malaysia yang ditentukan mengikut Ordinan No. 7 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1969 [*P.U. (A) 307A/1969*];'

- (vi) dengan menggantikan takrif "minyak" dengan takrif yang berikut:

' "minyak", kecuali dalam Bahagian III, ertinya apa-apa minyak mineral hidrokarbon tegar seperti minyak mentah, minyak bahan api, minyak diesel berat dan minyak pelincir, sama ada dibawa di atas kapal sebagai kargo atau dalam bunker kapal sedemikian;';

- (vii) dengan memotong takrif "Pemeriksa Kapal";

- (viii) dengan menggantikan takrif "Pengaruh Laut" dengan takrif yang berikut:

' "Pengaruh Laut" ertinya Pengarah Laut yang dilantik di bawah subseksyen 8(1) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952;';

- (ix) dengan menggantikan noktah yang terdapat di hujung takrif "pepasangan pangkalan" dengan koma bernoktah; dan

- (x) dengan memasukkan selepas takrif "pepasangan pangkalan" takrif yang berikut:

' "zon ekonomi eksklusif", berhubung dengan Malaysia, ialah zon ekonomi eksklusif yang ditentukan di bawah Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 [*Akta 311*].';

- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "akibat daripada pelepasan atau pertumpahan apa-apa minyak daripada" dengan perkataan "yang disebabkan oleh";

Rang Undang-Undang

(c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Bagi maksud Akta ini—

(a) sebutan mengenai mana-mana kawasan di Malaysia termasuklah laut wilayah Malaysia dan zon ekonomi eksklusif Malaysia dan sebutan mengenai mana-mana kawasan mana-mana negara Konvensyen Liabiliti yang lain termasuklah laut wilayah dan zon ekonomi eksklusif negara Konvensyen Liabiliti itu; dan

(b) sebutan mengenai zon ekonomi eksklusif sesuatu negara ialah sebutan mengenai zon ekonomi eksklusif negara itu yang diwujudkan mengikut undang-undang antarabangsa, atau, jika zon itu belum diwujudkan, suatu kawasan bersempadan dengan laut wilayah negara itu yang ditentukan oleh negara itu mengikut undang-undang antarabangsa dan meliputi tidak lebih daripada 200 batu nautika dari garis dasar yang darinya lebar laut wilayah itu diukur."; dan

(d) dengan rmemasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

"(4) Bagi maksud Akta ini, tanan kapal ialah tanan kasar yang dikira mengikut peraturan-peraturan pengukuran tanan yang terkandung dalam lampiran I Konvensyen Antarabangsa mengenai Sukatan Tanan Kapal yang ditandatangani di London pada 23 Jun 1969."

Pindaan seksyen 3

3. Seksyen 3 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Pemunya sesuatu kapal pada masa sesuatu insiden, atau jika insiden itu terdiri daripada suatu siri kejadian, pada masa kejadian pertama, hendaklah, kecuali jika diperuntukkan selainnya di bawah Akta ini,

bertanggungjawab bagi apa-apa kerosakan pencemaran yang disebabkan oleh kapal itu akibat daripada insiden itu di mana-mana kawasan di Malaysia."; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Jika sesuatu insiden yang melibatkan dua kapal atau lebih berlaku dan kerosakan pencemaran berlaku akibat daripada insiden itu, pemunya kesemua kapal yang berkenaan hendaklah, melainkan jika dilepaskan di bawah seksyen 4, secara bersesama dan berasingan bertanggungjawab bagi segala kerosakan pencemaran itu yang tidak boleh semunasabahnya diasingkan."

Penggantian seksyen 5

4. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 5 dengan seksyen yang berikut:

"Had liabiliti bagi kerosakan pencemaran

5. (1) Jika sesuatu insiden berlaku dan kerosakan pencemaran berlaku akibat daripada insiden itu, sama ada atau tidak pemunya kapal itu menanggung liabiliti di bawah seksyen 3, pemunya kapal tidaklah bertanggungjawab bagi apa-apa kerosakan pencemaran itu melainkan di bawah seksyen itu.

(2) Liabiliti bagi kerosakan pencemaran tidak terpakai bagi—

- (a) mana-mana pekhidmat atau ejen pemunya kapal itu atau mana-mana anggota anak kapal itu;
- (b) malim atau mana-mana orang lain yang bukan anggota anak kapal itu tetapi melaksanakan perkhidmatan bagi kapal itu;
- (c) mana-mana pencarter (dengan cara apa sekalipun diperihalkan, termasuk pencarter kapal kosong), pengurus atau pengendali kapal itu;

Rang Undang-Undang

- (d) mana-mana orang yang melaksanakan gerakan salvaj dengan persetujuan pemunya kapal itu atas arahan pihak berkuasa awam yang berwibawa;
- (e) mana-mana orang yang mengambil langkah pencegahan;
- (f) semua pekhidmat atau ejen orang yang disebut dalam perenggan (c), (d) dan (e),

melainkan jika kerosakan pencemaran itu berlaku akibat daripada tindakan atau peninggalan mereka sendiri, yang dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kerosakan itu, atau secara melulu dan dengan mengetahui bahawa kerosakan itu mungkin berlaku."

Penggantian seksyen 6

5. Akta ini dipinda dengan menggantikan seksyen 6 dengan seksyen yang berikut:

"Pembatasan liabiliti di bawah seksyen 3

6. (1) Jika pemunya sesuatu kapal menanggung liabiliti di bawah seksyen 3 berkenaan dengan mana-mana satu insiden, peruntukan yang berhubungan dengan pembatasan liabiliti pemunya kapal dalam hal kerugian atau kerosakan tertentu di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan perkapalan saudagar tidaklah terpakai bagi liabiliti itu.

(2) Pemunya sesuatu kapal yang menanggung liabiliti di bawah seksyen 3 boleh membataskan liabilitinya mengikut Akta ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama.

(3) Jika dibuktikan bahawa kerosakan pencemaran berlaku akibat daripada tindakan atau peninggalan pemunya kapal itu, yang dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kerosakan itu, atau secara melulu dan dengan mengetahui bahawa kerosakan itu mungkin berlaku, dia tidak berhak untuk membataskan liabilitinya di bawah subseksyen (2)."

Pindaan seksyen 11

6. Subseksyen 11(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "perairan wilayah" dengan perkataan "laut wilayah".

Pindaan seksyen 13

7. Seksyen 13 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Penanggung insurans boleh membataskan liabilitinya berkenaan dengan tuntutan yang dibuat terhadapnya menurut kuasa seksyen ini mengikut cara yang sama dan sehingga takat yang sama sebagaimana pemunya kapal boleh membataskan liabilitinya di bawah subseksyen 6(2) walaupun pemunya itu, mengikut subseksyen 6(3), tidak berhak untuk membataskan liabilitinya."

Pindaan seksyen 15

8. Seksyen 15 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam takrif "Konvensyen Kumpulan Wang", dengan menggantikan perkataan "di Brussels pada 18 Disember 1971 sebagaimana yang dipinda oleh Protokol Tahun 1976" dengan perkataan "di London pada 27 November 1992"; dan
- (b) dengan memotong takrif "minyak".

Pindaan seksyen 17

9. Seksyen 17 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan "kena dibayar" perkataan "setiap tahun";
- (b) dalam perenggan 5(a), dengan menggantikan perkataan "Perkara 11 dan 12" dengan perkataan "Perkara 12"; dan
- (c) dalam subseksyen (7), dengan menggantikan perkataan "dan seksyen 18" dengan perkataan ", dan seksyen 18 dan 19".

Pindaan seksyen 19**10. Seksyen 19 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen yang berikut:

"(6) Liabiliti Kumpulan Wang di bawah seksyen ini hendaklah tertakluk kepada batasan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama."; dan

- (b) dalam subseksyen (8) —

- (i) dengan menggantikan perkataan "Perkara 4 Konvensyen Kumpulan Wang" dengan perkataan "perenggan 1,2,3,6,7 dan 8 Perkara 4 Konvensyen Kumpulan Wang dan Bahagian II Jadual Pertama, mengikut mana-mana yang berkenaan"; dan
- (ii) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan "Perkara 4 yang tersebut" perkataan "atau Bahagian II Jadual Pertama,".

Pemotongan seksyen 20**11. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 20.****Pindaan seksyen 21****12. Seksyen 21 Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (3).****Pindaan seksyen 22****13. Seksyen 22 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan memotong subseksyen (2); dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Berkenaan dengan apa-apa jumlah wang yang dibayar di bawah perenggan 19(i)(a) atau (c), Kumpulan Wang hendaklah memperoleh melalui subrogasi

apa-apa hak pertolongan atau subrogasi yang ada pada pemunya kapal atau penjaminnya atau mana-mana orang lain berkenaan dengan liabilitinya bagi kerosakan yang berkenaan."

Pindaan seksyen 24

14. Seksyen 24 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(b) dengan memotong perkataan "atau 20"; dan
- (b) dalam perenggan (2)(a), dengan menggantikan perkataan "perenggan 4 Perkara 4 Konvensyen Kumpulan Wang (sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual)" dengan perkataan "perenggan 1 Bahagian II Jadual Pertama",

Seksyen baru 30

15. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 29 seksyen yang berikut:

"Kuasa untuk meminda Jadual

30. Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* meminda, menambah atau mengubah Jadual kepada Akta ini."

Penggantian Jadual Pertama

16. Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan jadual yang berikut:

"JADUAL PERTAMA

BAHAGIAN I

[Subseksyen 6(2)]

BATASAN LIABILITI PEMUNYA KAPAL

Pemunya sesuatu kapal adalah berhak untuk membataskan liabilitinya berkenaan dengan mana-mana satu insiden kepada amaun agregat yang dikira seperti yang berikut:

- (a) bagi kapal yang tidak melebihi lima ribu unit tanan, 4,510,000 hak pengeluaran khas;

- (b) bagi kapal dengan tanan yang melebihi lima ribu unit tanan, 4,510,000 hak pengeluaran khas dan 631 hak pengeluaran khas tambahan bagi setiap unit tambahan tanan;

Dengan syarat bahawa amaun agregat ini tidak boleh dalam apa-apa jua keadaan melebihi 89,770,000 hak pengeluaran khas.

BAHAGIAN II

[Subseksyen 9(6)]

BATASAN MENYELURUH KE ATAS LIABIUTI KUMPULAN WANG

1.(1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam subperenggan (2) dan (3), amaun agregat pampasan yang kena dibayar oleh Kumpulan Wang hendaklah berkenaan dengan mana-mana satu insiden dibataskan, supaya jumlah wang bagi amaun itu dan amaun pampasan yang sebenarnya dibayar di bawah Bahagian II Akta ini bagi kerosakan pencemaran dalam ruang lingkup Akta ini tidaklah melebihi 203,000,000 hak pengeluaran khas.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam subperenggan (3), amaun agregat pampasan yang kena dibayar oleh Kumpulan Wang bagi kerosakan pencemaran akibat daripada suatu fenomena semula jadi yang luar biasa, tidak dapat dielakkan dan tidak dapat dibendung jenisnya tidak boleh melebihi 203,000,000 hak pengeluaran khas.

(3) Amaun maksimum pampasan yang disebut dalam subperenggan (1) dan (2) hendaklah 300,740,000 hak pengeluaran khas berkenaan dengan apa-apa insiden yang berlaku dalam mana-mana tempoh apabila terdapat tiga negara Konvensyen Kumpulan Wang yang berkenaan dengannya gabungan kuantiti yang berkaitan bagi minyak yang diterima oleh orang dalam wilayah negara-negara itu sepanjang tahun kalendar yang terdahulu adalah tidak kurang daripada 600 juta tan.

(4) Faedah yang terakru atas amaun yang dibayar ke dalam Mahkamah di bawah seksyen 7 Akta ini, jika ada, tidak boleh diambil kira dalam menghitung pampasan maksimum yang kena dibayar oleh Kumpulan Wang di bawah Akta ini.

2. Jika amaun tuntutan yang terbukti terhadap Kumpulan Wang melebihi amaun agregat pampasan yang kena dibayar di bawah perenggan 1, amaun yang ada hendaklah dibahagikan mengikut apa-apa cara supaya kadar antara mana-mana tuntutan yang terbukti dan amaun pampasan yang sebenarnya didapati kembali oleh pihak menuntut di bawah Akta ini adalah sama bagi semua pihak menuntut.

3. Sesuatu perakuan yang diberikan oleh Pengarah Kumpulan Wang yang menyatakan bahawa subperenggan 1(3) terpakai bagi mana-mana tuntutan di bawah seksyen 19 adalah keterangan muktamad bagi maksud Bahagian III Akta ini."

Penggantian Jadual Kedua

17. Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan jadual yang berikut:

"JADUAL KEDUA

[Subseksyen 24(3)]

NEGARA YANG MENJADI PIHAK KEPADA KONVENSYEN LIABILITI SIVIL

Algeria	Kepulauan Marshall
Angola	Latvia
Antigua dan Barbuda	Liberia
Argentina	Lithuania
Australia	Madagascar
Bahamas	Malta
Bahrain	Mauritius
Barbados	Mesir
Belanda	Mexico
Belgium	Monaco
Belize	Morocco
Brunei Darussalam	Mozambique
Bulgaria	Namibia
Cameroon	New Zealand
Cape Verde	Nigeria
Chile	Norway
China	Oman
Colombia	Panama
Comoros	Papua New Guinea
Congo	Peranchis
Croatia	Persekutuan Rusia
Cyprus	Poland
Denmark	Portugal
Djibouti	Qatar
Dominica	Republik Bersatu Tanzani
El Salvador	Republik Dominica
Emiriah Arab Bersatu	Republik Korea

Rang Undang-Undang

Fiji	Romania
Filipina	Saint Vincent dan Grenadines
Finland	Samoa
Gabon	Sepanyol
Georgia	Seychelles
Ghana	Sierra Leone
Greece	Singapura
Grenada	Slovenia
Guinea	Sri Lanka
Iceland	Sweden
India	Switzerland
Indonesia	Tonga
Ireland	Trinidad dan Tobago
Itali	Tunisia
Jamaica	Turki
Jepun	United Kingdom
Jerman	Uruguay
Kampuchea	Vanuatu
Kanada	Venezuela
Kenya	Vietnam

NEGARA YANG MENJADI PIHAK KEPADA KONVENSYEN KUMPULAN WANG

Algeria	Latvia
Angola	Liberia
Antigua dan Barbuda	Lithuania
Argentina	Madagascar
Australia	Malta
Bahamas	Mauritius
Bahrain	Mexico
Barbados	Monaco
Belanda	Morocco
Belgium	Mozambique
Belize	Namibia
Brunei Darussalam	New Zealand

Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 13

Cameroon	Nigeria
Cape Verde	Norway
China (Kawasan Pentabiran Khas Hong Kong)	Oman
Colombia	Panama
Comoros	Papua New Guinea
Congo	Perancis
Croatia	Persekutuan Rusia
Cyprus	Poland
Denmark	Portugal
Djibouti	Qatar
Dominica	Republik Bersatu Tanzania
Emiriah Arab Bersatu	Republik Dominica
Fiji	Republik Korea
Filipina	Saint Vincent dan Grenadines
Finland	Samoa
Gabon	Sepanyol
Georgia	Seychelles
Ghana	Sierra Leone
Greece	Singapura
Grenada	Slovenia
Guinea	Sri Lanka
Iceland	
India	Sweden
Ireland	Tonga
Itali	Trinidad dan Tobago
Jamaica	Tunisia
Jepun	Turki
Jerman	United Kingdom
Kampuchea	Uruguay
Kanada	Vanuatu
Kenya	
Kepulauan Marshall	Venezuala

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994 ("Akta 515") untuk mengadakan peruntukan bagi pelaksanaan Konvensyen Antarabangsa mengenai Liabiliti Sivil bagi Kerosakan Pencemaran Minyak 1992 ("Konvensyen Liabiliti Sivil 1992") dan Konvensyen Antarabangsa mengenai Penubuhan Kumpulan Wang Antarabangsa bagi Pampasan bagi Kerosakan Pencemaran Minyak 1992 ("Konvensyen Kumpulan Wang 1992"). Pada masa ini Akta 515 melaksanakan Konvensyen Antarabangsa mengenai Liabiliti Sivil bagi Kerosakan Pencemaran Minyak 1969 ("Konvensyen Liabiliti Sivil 1969") dan Konvensyen Antarabangsa mengenai Penubuhan Kumpulan Wang Antarabangsa bagi Pampasan bagi Kerosakan Pencemaran Minyak 1971 ("Konvensyen Kumpulan Wang 1971").

2. Pentingnya Konvensyen Liabiliti Sivil 1992 dan Konvensyen Kumpulan Wang 1992 bagi Malaysia adalah seperti yang berikut:

(a) Liputan geografi yang lebih luas

Liputan geografi yang diberikan oleh Konvensyen Liabiliti Sivil 1992 adalah lebih luas jika dibandingkan dengan yang diliputi oleh Konvensyen Liabiliti Sivil 1969. Kawasan baru itu meliputi jarak 200 batu nautika, yang akan meliputi seluruh kawasan zon ekonomi eksklusif Malaysia. Di bawah Konvensyen Liabiliti Sivil 1969, kawasan liputan arah laut maksimum berakhir di had laut wilayah, suatu jarak sejauh 12 batu nautika.

Peluasan liputan geografi ini diperuntukkan dalam pindaan kepada subseksyen 2(3) Akta 515 yang dicadangkan dalam *fasal 2(c)* Rang Undang-Undang ini.

(b) Kapal tangki tanpa muatan

Konvensyen Liabiliti Sivil 1969 hanya meliputi kapal yang sebenarnya membawa minyak secara pukal sebagai kargo. Ini bermakna bahawa tumpahan minyak daripada kapal tangki tanpa muatan tidak akan diliputi. Konvensyen Liabiliti Sivil 1992 memperluas liputan kepada tumpahan minyak oleh kapal tangki tanpa muatan. Ini khususnya berguna bagi Malaysia kerana kapal tangki kosong yang pulang ke Teluk dari Timur Jauh gemar menggunakan Selat Melaka.

Perubahan dalam liputan ini dicerminkan dalam pindaan kepada takrif "kapal" yang dicadangkan dalam *fasal 2(a)(ii)* Rang Undang-Undang ini.

(c) Pampasan bagi ancaman pencemaran minyak walaupun tiada tumpahan minyak sebenarnya berlaku

Kos untuk menghapuskan ancaman semata-mata boleh didapatkan di bawah Konvensyen Liabiliti Sivil 1992 walaupun tiada tumpahan sebenar telah berlaku. Di bawah Konvensyen Liabiliti Sivil 1969, mestilah ada tumpahan sebenar berlaku sebelum apa-apa tuntutan bagi langkah pencegahan boleh diterima.

Ini diperuntukkan dalam pindaan kepada takrif "insiden" dalam *fasal 2(a)(i)* dan pindaan kepada subseksyen 2(2) dan seksyen 3 Akta 515 yang masing-masing dicadangkan dalam *fasal 2(b)* dan 3. Ia juga dicerminkan dalam pindaan kepada takrif "kerosakan pencemaran" yang dicadangkan dalam *fasal 2(a)(iit)* Rang Undang-Undang ini.

(d) Kenaikan batasan liabiliti

Liabiliti maksimum pemunya kapal di bawah Konvensyen Liabiliti Sivil 1992 dinaikkan dengan ketara. Liabiliti baru ialah 4,510,000 hak pengeluaran khas bagi kapal yang tidak melebihi 5,000 unit tanan dan, bagi kapal yang melebihi 5,000 unit tanan, 631 hak pengeluaran khas bagi setiap unit tanan tambahan. Dengan pertambahan batas yang tinggi bagi liabiliti pemunya kapal ini, akan berkuranglah keperluan bagi campur tangan di bawah Konvensyen Kumpulan Wang 1992 kerana banyak kes boleh diselesaikan di peringkat Konvensyen Liabiliti Sivil 1992 (tahap pertama). Andai kata Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Konvensyen Kumpulan Wang 1992 (tahap kedua) masih dikehendaki untuk memberikan pampasan, amaun yang dikehendaki daripada pertolongan tahap kedua ini adalah kurang berbanding dengan amaun di bawah Konvensyen Kumpulan Wang 1971, kerana sebahagian besar daripadanya telah pun diselesaikan pada tahap pertama. Akibatnya, beban sumbangan yang dikehendaki daripada penerima minyak Malaysia di bawah Konvensyen Kumpulan Wang 1992 akan kurang. Walau bagaimanapun kenaikan liabiliti ini tidak akan mengakibatkan apa-apa kos tambahan kepada pemunya kapal kerana perlindungan insurans yang diberikan oleh Persatuan Perlindungan dan Tanggung Rugi bagi kerosakan pencemaran minyak adalah lebih daripada mencukupi.

Kenaikan ini diperuntukkan dalam pindaan kepada seksyen 5, 6, 20 dan 21 Akta 515 yang masing-masing dicadangkan dalam *fasal 4, 5, 11 dan 12*.

(e) Kenaikan batasan tahap kedua

Batasan maksimum pampasan di bawah Konvensyen Kumpulan Wang 1992 ialah 203 juta hak pengeluaran khas, iaitu lebih daripada tiga kali ganda batasan yang dahulu sebanyak 60 juta hak pengeluaran khas di bawah Konvensyen Kumpulan Wang 1971. Batasan pampasan yang lebih tinggi ini adalah penting bagi Malaysia khususnya dalam insiden tumpahan minyak yang besar apabila kerosakan akan dengan mudah melebihi batasan di bawah Konvensyen Kumpulan Wang 1971.

Ini diperuntukkan dalam pindaan kepada seksyen 19 Akta 515 dan Jadual Pertama Akta 515 yang masing-masing dicadangkan dalam *fasal 10 dan 16*.

3. *Fasal 15* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 30 ke dalam Akta 515 untuk memberi Menteri kuasa untuk meminda, menambah atau mengubah Jadual Akta 515 melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

4. *Fasal 16* bertujuan untuk memasukkan Bahagian I Jadual Pertama ke dalam Akta 515 untuk mengadakan peruntukan bagi batasan liabiliti pemunya kapal di bawah Konvensyen Liabiliti Sivil 1992.

5. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda Jadual Kedua Akta 515 untuk mengadakan peruntukan bagi nama-nama negara yang menjadi pihak kepada Konvensyen Liabiliti Sivil 1992 dan Konvensyen Kumpulan Wang 1992. Jadual Kedua yang sedia ada mengandungi nama-nama negara yang menjadi pihak kepada Konvensyen Liabiliti Sivil 1969 dan Konvensyen Kumpulan Wang 1971.

6. Pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2124A]